

10/03/2003

Usah biarkan 'warisan' Dr Mahathir berkubur

Mohd Azlan Jaafar

APABILA seorang lelaki melakukan sesuatu atau tidak melakukan sesuatu ia dikatakan kerana ego. Apabila wanita melakukan perkara sama ia adalah didorong oleh 'pride'.

Lelaki tidak dapat memahami mengapa wanita memerlukan 10 pasang kasut yang menyamai beg tangan serta baju dan celak mata. Bagi lelaki, stokin putih, kasut hitam, baju ungu dan tali leher hitam bukan masalah.

Malah memakai seluar pendek bukan satu masalah. Wanita pula tidak akan faham keghairahan lelaki mengenai kereta dan kemahuan mencapai kelajuan 200 kilometer sejam (km/j) dengan kereta keluaran tempatan.

Perbezaan ideologi lebih nyata dalam isu seperti poligami, hak dan tempat dalam masyarakat serta kedudukan jawatan dalam organisasi.

Semua ini tidak akan berubah. Tidak dalam tempoh terdekat.

Bagaimanapun,

tidak semua perkara meletakkan lelaki dan wanita dalam perbalahan.

Apabila

diketepikan ego dan 'pride', rakyat negara ini tanpa mengira jantina, harus sedar kita berada di titik penting.

Angin perubahan sudah bermula. Mungkin mereka di Putrajaya, berbanding tempat lain, lebih merasai perubahan itu. Di kalangan penggiat media, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya tiba-tiba sepi. Semua yang berlaku di sini menjadi perlahan. Tiba-tiba tiada urgency.

Perdana Menteri memulakan cuti rasmi selama dua bulan. Percutian ini antara yang dipersetujui selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggemparkan Persidangan Agung Umno tahun lalu dengan pengumuman meletakkan jawatan dalam kerajaan dan politik.

Sebelum akhir tahun ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengambil alih pentadbiran negara.

Selepas lebih 22 tahun, The Medicine Man menjadi taruhan bagi membawa Malaysia keluar daripada pelbagai masalah dalaman dan antarabangsa. Dan 'ubat' yang diberikan berjaya memulihkan negara daripada pelbagai penyakit.

Rakyat negara ini sudah biasa dengan Mahathirisme sehingga percutian beliau, sedangkan baru beberapa hari sudah meninggalkan 'kekosongan'.

Kepada wartawan, Dr Mahathir adalah sumber penulisan berita. Perdana Menteri menjawab sebarang pertanyaan termasuk kepada soalan yang kurang bijak. Akan ada 'quote' daripada Dr M yang boleh digunakan walaupun ia berbentuk sinis.

Mungkin kerana terlalu selesa dengan kehadiran Dr Mahathir selama ini sehingga banyak pihak meminta beliau terus berada di Pejabat Perdana Menteri. Keselesaan mewujudkan kebimbangan kepada perubahan, sedangkan perubahan tidak dapat dielakkan.

Meminta Dr M terus berada di Jabatan Perdana Menteri dan Seri Perdana bukan saja tidak menghormati kehendaknya untuk bersara, malah menghalang beliau mencoretkan pengalaman selama lebih 22 tahun dalam sesuatu yang dapat diturunkan kepada generasi sekarang dan akan datang.

Seorang kakitangan Jabatan Perdana Menteri berkata, Dr Mahathir sudah memilih penggantinya.

"Semua pihak harus menghormati keputusan itu dan memberi sokongan

penuh kepada Abdullah. Perdana Menteri sudah meninggalkan legasi yang besar dan jika kita benar-benar menghormati pengorbanan Dr Mahathir selama ini, kita harus memastikan semua legasinya menjadi realiti" katanya.

Seperti kata pepatah, seorang ayah diingati bukan saja kerana harta atau kekayaan yang ditinggalkan, malah legasi yang mampu membentuk masa depan yang lebih baik dalam diri anaknya. Kita semua sentiasa berharap dapat meninggalkan sesuatu yang lebih bermakna. Kepada ramai rakyat, Dr M adalah ayah itu. Ego, maruah, harga diri, jantina dan fahaman politik diketepikan seketika.

Perubahan sudah bermula selepas lebih 22 tahun. Suka atau tidak, ia harus diterima, semuanya bagi memastikan legasi yang ditinggalkan Dr M tidak berkubur begitu saja.